

**Prestasi Nestle Meningkat Kerana Perkembangan Ekonomi Domestik, Serantau Yang Positif
Bernama
18 Ogos, 2011**

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Keuntungan sebelum cukai Nestle (Malaysia) Bhd bagi suku kedua berakhir 30 Jun, 2011 meningkat kepada RM127.775 juta daripada RM117.470 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Pendapatannya bertambah kepada RM1.155 bilion daripada RM1.051 bilion.

Bagi tempoh enam bulan itu, Nestle mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM318.881 juta, meningkat daripada RM288.088 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas, manakala pendapatannya bertambah kepada RM2.34 bilion daripada RM2.071 bilion.

Dalam satu kenyataan, Nestle berkata permintaan domestik dan serantau yang lebih tinggi membantu syarikat itu mencatatkan keputusan yang kukuh.

Prestasi yang membanggakan ini adalah hasil daripada hakikat bahawa syarikat itu sentiasa menjalan kegiatan inovasi dan pengubahsuaian yang merintis jalan bagi pelancaran produk baharu dan pertumbuhan, katanya.

Antara produk utama yang dilancarkan, Milo Sejuk, Nestea dan Mat Kool Split mendapat sambutan yang baik daripada pengguna, jelasnya.

Jualan eksport yang sentiasa semakin meningkat, mencatatkan pertumbuhan dua angka yang kukuh, dan menyumbang hampir seperempat daripada keseluruhan perolehan kumpulan, katanya.

Permintaan yang lebih kukuh bagi kopi larut segera dan krimer kopi mendorong pertumbuhan, disertai pula dengan peningkatan permintaan bagi serbuk milo dan mi Maggi.

Tempoh ini juga menyaksikan peningkatan kegiatan pemasaran dan promosi, dengan pelaburan dalam promosi media dan pengguna, untuk memperkukuh jenama syarikat dan memperkenalkan produk baharu, katanya.

Kata Nestle berikutan prestasi kukuh dalam enam bulan pertama tahun ini, kumpulan itu akan terus membuat pelaburan sejajar dengan objektif untuk menjadi peneraju dalam industri pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan serta menjadi penanda aras industri bagi prestasi kewangan yang dipercayai oleh pemilik kepentingan.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=609094>